

SURAH PARA NABI



Surah: 21 Juzuk: 17 Bil. Ayat: 112

*Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah,
lagi Maha Mengasihani.*

1. Telah hampir datang kepada manusia hari perhitungan amalnya sedang mereka dalam kelalaian serta tidak menghiraukannya.
2. Tidak datang kepada mereka itu sebarang peringatan yang baru diturunkan daripada Tuhan mereka melainkan mereka telah mendengarnya sambil mereka memperlmain-mainkannya.
3. Dengan keadaan hati mereka leka daripada memahami dan mengamalkan maksudnya; dan orang yang zalim itu, berbisik-bisik sesama sendiri dengan berkata: «Bukankah (Muhammad) ini tidak lain hanyalah seorang manusia biasa seperti kamu? Maka patutkah kamu turut hadir mendengar sihir yang dibawanya itu sedang kamu menyaksikannya?»
4. (Sebagai jawapan kepada mereka) Nabi Muhammad berkata: «Tuhanku mengetahui segala perkataan di langit dan di bumi; dan Dialah yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui».

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

أَقْرَبَ لِلنَّاسِ حِسَابُهُمْ وَهُمْ فِي غَفْلَةٍ
مُعْرِضُونَ ﴿١﴾

مَا يَأْتِيهِمْ مِنْ ذِكْرٍ مِنْ رَبِّهِمْ مُحَدَّثٍ إِلَّا
أَسْتَمَعُوهُ وَهُمْ يَلْعَبُونَ ﴿٢﴾

لَا هِيَ لَهُمْ قُلُوبٌ يَهْتَمُّونَ بِهَا وَاسْرُوءُ النَّجْوَى الَّذِينَ
ظَلَمُوا هَلْ هَذَا إِلَّا بَشَرٌ مِثْلُكُمْ أَفَتَأْتُونَ
السِّحْرَ وَأَنْتُمْ تُبْصِرُونَ ﴿٣﴾

قَالَ رَبِّي يَعْلَمُ الْقَوْلَ فِي السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ
وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿٤﴾

5. Bahkan mereka menuduh pula dengan berkata: «al-Quran itu mimpi-mimpi Muhammad yang karut, bahkan perkara yang diada-adakan olehnya, bahkan Muhammad itu sendiri seorang penyair. (Kalaulah benar dia seorang rasul) maka hendaklah dia membawa kepada kita satu mukjizat sebagaimana yang dibawa oleh para rasul yang telah diutus dahulu».
6. Tidak ada satu pun penduduk sesebuah negeri yang Kami telah binasakan sebelum mereka itu beriman, maka apakah mereka mahu beriman?
7. Dan Kami tidak mengutus para rasul sebelummu (wahai Muhammad) melainkan para rasul yang Kami wahyukan kepada mereka. Maka bertanyalah kamu kepada mereka yang arif jika kamu tidak mengetahui.
8. Dan Kami tidak menjadikan para rasul itu bertubuh badan yang tidak memerlukan makan minum, dan mereka pula tidak hidup kekal selama-lamanya (di dunia).
9. Kemudian Kami tepati janji Kami kepada mereka, lalu Kami telah menyelamatkan mereka dan sesiapa yang Kami kehendaki, dan Kami binasakan orang yang melampaui batas.

بَلْ قَالُوا أَضْغَاثُ أَحْلَامٍ بَلِ افْتَرَاهُ بَلْ
هُوَ شَاعِرٌ فَلْيَأْتِنَا بِآيَةٍ كَمَا أُرْسِلَ
الْأَوَّلُونَ ﴿٦٦﴾

مَا آمَنَتْ قَبْلَهُمْ مِنْ قَوْمٍ أَهْلَكَ نَهَا
أَفَهُمْ يُؤْمِنُونَ ﴿٦٧﴾

وَمَا أَرْسَلْنَا قَبْلَكَ إِلَّا رِجَالًا نُوْحِي إِلَيْهِمْ
فَسَأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا
تَعْلَمُونَ ﴿٦٨﴾

وَمَا جَعَلْنَاهُمْ جَسَدًا لَا يَأْكُلُونَ الطَّعَامَ
وَمَا كَانُوا خَالِدِينَ ﴿٦٩﴾

نُفِصِدَهُمْ فَنُؤَدِّعُهُمُ الْوَعْدَ فَأَنْجَيْنَاهُمْ وَمَنْ نَشَاءُ
وَأَهْلَكَ نَا الْمُسْرِفِينَ ﴿٧٠﴾

10. Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu sebuah kitab (al-Quran) yang mengandung sebab-sebab kemuliaan bagimu, maka apakah kamu tidak memikirkannya?
11. Dan berapa banyak Kami telah binasakan penduduk negeri yang melakukan kezaliman, dan Kami telah menjadikan selepas mereka, kaum yang lain sebagai gantinya.
12. Maka ketika mereka merasai azab Kami, dengan serta-merta mereka lari keluar dari negeri itu.
13. (Lalu dikatakan kepada mereka): «Janganlah kamu lari, dan sebaliknya kembalilah kepada kemewahan hidup yang telah diberikan kepada kamu, dan ke tempat tinggal kamu, semoga nanti kamu dapat ditanya (tentang apa yang berlaku)».
14. Mereka berkata: «Aduhai celakanya kami! Sesungguhnya kami adalah orang yang zalim!»
15. Maka begitulah seterusnya keluhan mereka, sehingga Kami jadikan mereka hancur lebur dan lenyap.
16. Dan tidaklah Kami menciptakan langit dan bumi serta segala yang ada di antara keduanya, secara main-main.
17. Sekiranya Kami hendak mengambil sesuatu sebagai hiburan, tentulah Kami akan

لَقَدْ أَنْزَلْنَا إِلَيْكُمْ كِتَابًا فِيهِ ذِكْرُكُمْ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿١٠﴾

وَكُرِّفَصَمْنَا مِنْ قَرْيَةٍ كَانَتْ ظَالِمَةً
وَأَنْشَأْنَا بَعْدَهَا قَوْمًا آخَرِينَ ﴿١١﴾

فَلَمَّا أَحْسُوا بِأَسَنَاءِ إِذَا هُمْ فَتَنُهَا
يَتْرَكُضُونَ ﴿١٢﴾

لَا تَرْكُضُوا وَأَرْجِعُوا إِلَى مَا أُتْرِفْتُمْ فِيهِ
وَمَسْكِنِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَسْتَلُونَ ﴿١٣﴾

قَالُوا يَا بَنِي آدَمَ إِنَّا نَاظِمِينَ ﴿١٤﴾

فَمَارَأَيْتَ تِلْكَ دَعْوَتُهُمْ حَتَّى جَعَلْنَاهُمْ
حَصِيدًا آخِلِينَ ﴿١٥﴾

وَمَا خَلَقْنَا السَّمَاءَ وَالْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا
لَعِبِينَ ﴿١٦﴾

لَوْ أَرَدْنَا أَنْ نَتَّخِذَ لَهُمْ آيَاتٍ فَآتَيْنَاهُمْ مِنْ لَدُنَّا
إِنْ كُنَّا فَاعِلِينَ ﴿١٧﴾

mengambilnya daripada sisi Kami, jika Kami ingin melakukan demikian.

18. Bahkan Kami mengarahkan yang hak itu menentang yang batil, lalu ia menghancurkannya, maka dengan serta-merta lenyaplah ia; dan kecelakaan pasti akan menimpa kamu disebabkan apa yang kamu sifatkan (terhadap Kami).
19. Dan adalah milikNya jua segala yang ada di langit dan di bumi; dan para malaikat yang ada di sisiNya tidak sombong untuk beribadat kepadaNya, dan tidak pula mereka merasa penat dan letih.
20. Mereka sentiasa bertasbih malam dan siang, dengan tidak berhenti-henti.
21. Adakah tuhan-tuhan yang mereka ambil dari bumi itu, dapat menghidupkan semula sesuatu yang mati?
22. Kalau ada di langit dan di bumi tuhan selain daripada Allah, nescaya rosaklah pentadbiran kedua-duanya. Maka Maha Suci Allah, Tuhan yang mempunyai Arasy, daripada apa yang mereka sifatkan.
23. Dia tidak boleh ditanya tentang apa yang Dia lakukan, sebaliknya merekalah yang akan ditanya kelak.

بَلْ نَقْذِفُ بِالْحَقِّ عَلَى الْبَاطِلِ فَيَدْمَغُهُ فَإِذَا هُوَ زَاهِقٌ وَلَكُمُ الْوَيْلُ مِمَّا تَصِفُونَ ﴿١٨﴾

وَلَهُمْ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَنْ عِنْدَهُ لَا يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِهِ وَلَا يَسْتَحْسِرُونَ ﴿١٩﴾

يُسَبِّحُونَ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ لَا يَفْتُرُونَ ﴿٢٠﴾

أَمْ اتَّخَذُوا آلِهَةً مِنَ الْأَرْضِ هُمْ يُنشِرُونَ ﴿٢١﴾

لَوْ كَانَ فِيهِمَا آلِهَةٌ إِلَّا اللَّهُ لَفَسَدَتَا فَسُبْحَانَ اللَّهِ رَبِّ الْعَرْشِ عَمَّا يَصِفُونَ ﴿٢٢﴾

لَا يُسْئَلُ عَمَّا يَفْعَلُ وَهُمْ يُسْئَلُونَ ﴿٢٣﴾

24. Apakah mereka memilih tuhan-tuhan selain daripadaNya? Katakanlah (wahai Muhammad): «Bawalah bukti kamu; al-Quran ini menjadi peringatan pengikutku, juga sebagai peringatan umat-umat yang sebelumku». Sememangnya kebanyakan mereka tidak mengetahui kebenaran, dengan sebab itulah maka mereka berpaling ingkar.

25. Dan Kami tidak utuskan sebelummu (wahai Muhammad) seorang rasul pun melainkan Kami wahyukan kepadanya: «Bahawa sesungguhnya tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Aku; maka, sembahlah kamu kepadaKu».

26. Dan mereka berkata: «(Allah) Yang Maha Pemurah mengambil anak». Maha Sucilah Dia. Bahkan (mereka yang dikatakan menjadi anak Allah itu) ialah hamba-hambaNya yang dimuliakan.

27. Mereka tidak mendahuluiNya dengan perkataan dan mereka pula melaksanakan perintahNya.

28. Allah mengetahui apa yang ada di hadapan mereka, dan apa yang ada di belakang mereka; dan mereka tidak memberi syafaat melainkan bagi sesiapa yang diredai Allah; dan mereka pula sentiasa bimbang akibat rasa takut kepadaNya.

أَمْ اتَّخَذُوا مِنْ دُونِهِ آلِهَةً قُلْ هَاتُوا بُرْهَانَ كَمَا هَذَا إِذْ كُنْتُمْ مَعِيَ وَذِكْرٌ مِنْ قَبْلِي كُلِّ آكْفُرْتُمْ لَا يَعْلَمُونَ الْحَقُّ فَهُمْ مُّعْرِضُونَ ﴿٤٤﴾

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ مِنْ رَسُولٍ إِلَّا نُوحِيَ إِلَيْهِ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنَا فَاعْبُدُونِ ﴿٥٥﴾

وَقَالُوا اتَّخَذَ الرَّحْمَنُ وَلَدًا سُبْحَانَ رَبِّهِ عِبَادٌ مُكْرَمُونَ ﴿٦١﴾

لَا يَسْبِقُونَهُ بِالْقَوْلِ وَهُمْ بِأَمْرِهِ يَعْمَلُونَ ﴿٦٧﴾

يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يَشْفَعُونَ إِلَّا لِمَنْ أَرَادَ نَصِيحَتَهُمْ مِنْ خَشْيَتِهِ مُشْفَعُونَ ﴿٧٨﴾

29. Dan sesiapa di kalangan mereka berkata: «Sesungguhnya aku ialah tuhan selain daripada Allah», maka yang berkata sedemikian itu, Kami akan membalasnya dengan neraka Jahannam; demikianlah Kami membalas golongan yang zalim.

وَمَنْ يَقُلْ مِنْهُمْ آتِ إِلَهٌ مِّن دُونِهِ
فَذَلِكَ نَجْزِيهِ جَهَنَّمَ كَذَلِكَ نَجْزِي
الظَّالِمِينَ ﴿٢٩﴾

30. Dan tidakkah orang kafir itu memahami bahawa sesungguhnya langit dan bumi itu pada asalnya bercantum, lalu Kami pisahkan antara keduanya? Dan Kami jadikan daripada air, segala benda yang hidup. Maka mengapa mereka tidak mahu beriman?

أَوَلَمْ يَرِ الَّذِينَ كَفَرُوا أَنَّ السَّمَوَاتِ
وَالْأَرْضَ كَانَتَا رَتْقًا فَفَتَقْنَاهُمَا وَجَعَلْنَا
مِنَ الْمَاءِ كُلَّ شَيْءٍ حَيًّا أَفَلَا يُؤْمِنُونَ ﴿٣٠﴾

31. Dan Kami telah menjadikan di bumi gunung-ganang yang kukuh, semoga bumi itu tidak menggegar mereka; dan Kami jadikan padanya laluan sebagai jalan lalu-lalang, semoga mereka mendapat hidayah.

وَجَعَلْنَا فِي الْأَرْضِ رَوَاسِيَ أَنْ تَمِيدَ بِهِمْ
وَجَعَلْنَا فِيهَا فِجَاجًا سُبُلًا لَّعَلَّهُمْ
يَهْتَدُونَ ﴿٣١﴾

32. Dan Kami telah menjadikan langit sebagai bumbung yang terpelihara, sedang mereka berpaling daripada memerhatikan tanda-tanda (kekuasaan Kami) yang ada padanya.

وَجَعَلْنَا السَّمَاءَ سَقْفًا مَّحْفُوظًا وَهُمْ عَنْ
آيَاتِهَا مُعْرِضُونَ ﴿٣٢﴾

33. Dan Dialah (Tuhan) yang telah menjadikan malam dan siang, serta matahari dan bulan, tiap-tiap satunya beredar di tempat edaran masing-masing.

وَهُوَ الَّذِي خَلَقَ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ وَالشَّمْسَ
وَالْقَمَرَ كُلٌّ فِي فَلَكٍ يَسْبَحُونَ ﴿٣٣﴾

34. Dan Kami tidak menjadikan seseorang manusia sebelummu dapat hidup kekal. Maka

وَمَا جَعَلْنَا لِلْبَشَرِ مِنْ قَبْلِكَ الْخَالِدَةَ إِلَّا نَسَمَةً
فَهُمُ الْخَالِدُونَ ﴿٣٤﴾

sekiranya engkau mati (wahai Muhammad), adakah mereka akan hidup selama-lamanya?

35. Setiap yang bernyawa akan merasai mati, dan Kami menguji kamu dengan kesukaran dan kesenangan sebagai cubaan; dan kepada Kamilah kamu semua akan dikembalikan.

36. Dan apabila orang kafir itu melihatmu, mereka hanyalah menjadikanmu bahan ejekan sahaja, sambil berkata sesama sendiri: «Inikah dia orangnya yang mencaci tuhan kamu?» Padahal mereka sendiri kufur terhadap peringatan Tuhan Yang Maha Pemurah.

37. Manusia dijadikan dengan tabiat terburu-buru; Aku (Allah) akan perlihatkan kepada kamu tanda-tanda kekuasaanKu; maka janganlah kamu meminta Aku menyegerakannya.

38. Dan mereka berkata: «Bilakah berlakunya janji itu, jika betul kamu orang yang berkata benar?»

39. Kalaulah orang kafir itu mengetahui apa yang bakal menimpa mereka ketika mereka tidak dapat menahan atau mengelakkan api neraka dari muka dan belakang mereka, dan mereka pula tidak diberi pertolongan, (tentulah mereka tidak berkata demikian).

كُلِّ نَفْسٍ ذَاقَةُ الْمَوْتِ وَنَبَلُّوكُم بِالسَّرِّ
وَالْخَيْرِ فُتْنَةً وَإِلَيْنَا تُرْجَعُونَ ﴿٢٥﴾

وَإِذَا رَأَوْكَ الَّذِينَ كَفَرُوا إِذَا يَتَخَذُونَكَ
إِلَّا هُزُوءًا أَهْدَىٰ آلَٰلِئِذِي يَذُكُرُ ٱلْهَيْتَكَ
وَهُمْ يَذُكُرُ ٱلرَّحْمٰنَ هُمْ كَافِرُونَ ﴿٣٦﴾

خُلِقَ ٱلْإِنسٰنُ مِن عَجَلٍ سَأُورِيكُمْ
ءَايٰتِي فَلَا تَسْتَعْجِلُونِ ﴿٣٧﴾

وَيَقُولُونَ مَتَىٰ هَٰذَا ٱلْوَعْدُ إِن كُنْتُمْ
صٰدِقِينَ ﴿٣٨﴾

لَوِعَا ٱلَّذِينَ كَفَرُوا حِينٌ لَا
يَكْفُوتُ عَنْ وُجُوهِهِمُ ٱلنَّارُ وَلَا عَن
طُهُورِهِمْ وَلَا هُمْ يَبْصُرُونَ ﴿٣٩﴾

40. Bahkan janji itu akan datang kepada mereka secara mengejut, lalu membingungkan mereka; maka saat itu mereka tidak akan mampu menolaknya, dan tidak akan diberi tempoh bertaubat.
41. Dan sesungguhnya beberapa orang rasul sebelumnya telah diperolok-olokkan, lalu orang yang mengejek-ejek di antara mereka ditimpakan balasan azab bagi apa yang mereka telah perolok-olokkan itu.
42. Katakanlah (wahai Muhammad): «Siapakah lagi yang dapat menjaga keselamatan kamu pada malam dan siang daripada azab Tuhan Yang Maha Pemurah?» Bahkan mereka tetap berpaling ingkar daripada peringatan Tuhan mereka.
43. Atau adakah mereka mempunyai tuhan-tuhan yang dapat melindungi mereka daripada (azab) Kami. Mereka itu tidak dapat menolong dirinya sendiri, dan tidak pula dibantu dengan pertolongan daripada Kami.
44. Sememangnya Kami telah berikan kepada mereka dan nenek moyang mereka menikmati (kesenangan hidup) hingga berlanjutanlah umur mereka. Maka tidakkah mereka berfikir bahawa Kami datangkan daerah bumi yang mereka kuasai dengan mengurangkannya sedikit demi sedikit dari sempadan-

بَلْ تَأْتِيهِمْ بَغْتَةً فَتَبْهَتُهُمْ فَلَا يَسْتَطِيعُونَ رَدَّهَا وَلَا هُمْ يُنظَرُونَ ﴿٤٠﴾

وَلَقَدْ أَسْتَهْزَيْتُمْ بِرُسُلٍ مِّن قَبْلِكَ فَحَاقَ بِالَّذِينَ سَخِرُوا مِنْهُمْ مَا كَانُوا بِهِ يَسْتَهْزِئُونَ ﴿٤١﴾

قُلْ مَن يَكْفُلُكُمْ بِاللَّيْلِ وَالنَّهَارِ مَن الرِّحْمَنُ بَلْ هُمْ عَن ذِكْرِ رَبِّهِمْ مُّعْرِضُونَ ﴿٤٢﴾

أَمْ لَهُمْ آلِهَةٌ تَمْنَعُهُم مِّن دُونِنَا لَا يَسْتَطِيعُونَ نَصْرَ أَنفُسِهِمْ وَلَا هُمْ مِنَّا يُصْحَبُونَ ﴿٤٣﴾

بَلْ مَتَّعْنَا هَؤُلَاءِ وَآبَاءَهُمْ حَقًّا طَال عَلَيْهِمُ الْعُمُرُ أَفَلَا يَرَوْنَ أَنَا أَنَا أَنَا الْأَرْضُ نَقُصُّهَا مَن أَظْرَفَهَا أَفَهُمُ الْعَالِيُونَ ﴿٤٤﴾

sempadannya? Jika demikian, maka adakah mereka yang akan menang?

45. Katakanlah (wahai Muhammad): «Sesungguhnya aku hanyalah memberi amaran kepada kamu dengan wahyu (al-Quran yang diturunkan Allah kepadaku); dan sudah tentu orang yang pekak tidak dapat mendengar seruan apabila mereka diberi amaran.
46. Dan sesungguhnya, jika mereka disentuh sedikit sahaja daripada azab Tuhanmu, pasti mereka akan berkata: «Aduhai celakanya kami! Sememangnya kami adalah orang yang menzalimi diri!»
47. Dan (ingatlah) Kami akan menyediakan timbangan yang adil untuk hari kiamat; maka tidak ada sesiapa akan teraniaya sedikitpun; dan jika (amalnya) itu seberat biji sawi (sekalipun), nescaya Kami akan mendatangkannya (untuk dihitung); dan cukuplah Kami sebagai Penghitung.
48. Dan sesungguhnya, Kami telah memberi kepada Nabi Musa dan Nabi Harun kitab Taurat (yang membezakan antara yang benar dengan yang salah), dan yang menjadi cahaya yang menerangi, serta pengajaran, bagi orang yang bertakwa.
49. Iaitu mereka yang takut akan (amaran) Tuhan mereka semasa mereka tidak dilihat orang, dan

قُلْ إِنَّمَا أُنذِرُكُمْ بِالْوَحْيِ وَلَا يَسْمَعُ
الصُّمُّ الدُّعَاءَ إِذَا مَا يُنذَرُونَ ﴿٤٥﴾

وَلَئِنْ مَسَسَتْهُمْ نَفْحَةٌ مِنْ عَذَابِ رَبِّكَ
لَيَقُولُنَّ يَوْمَئِذٍ إِنَّا كُنَّا ظَالِمِينَ ﴿٤٦﴾

وَنَضَعُ الْمَوَازِينَ الْقِسْطَ لِيَوْمِ الْقِيَامَةِ فَلَا
تُظْلَمُ نَفْسٌ شَيْئًا وَإِنْ كَانَ مِثْقَالَ حَبَّةٍ
مِنْ حَرْدَلٍ آتَيْنَاهَا وَكَفَىٰ بِنَا حَسِيبِينَ ﴿٤٧﴾

وَلَقَدْ آتَيْنَا مُوسَىٰ وَهَارُونَ الْفُرْقَانَ
وَضِيَاءَ وَنُورًا لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٤٨﴾

الَّذِينَ يَخْشَوْنَ رَبَّهُم بِالْغَيْبِ وَهُمْ مِّنَ
السَّاعَةِ مُشْفِقُونَ ﴿٤٩﴾

mereka pula merasa gerun akan (kejadian pada) hari kiamat.

50. Dan al-Quran ini juga pengajaran yang berkat, yang Kami telah turunkan (kepada nabi Muhammad); oleh hal demikian maka patutkah kamu mengingkarinya?
51. Dan sesungguhnya, Kami telah berikan kepada nabi Ibrahim sebelum itu petunjuk kebenaran, dan Kami adalah mengetahui akan halnya.
52. Ketika dia berkata kepada bapanya dan kaumnya: «Apakah sebenarnya patung-patung ini yang kamu bersungguh-sungguh memujanya?»
53. Mereka menjawab: «Kami dapati nenek moyang kami selalu menyembahnya».
54. Dia berkata: «Sesungguhnya kamu dan nenek moyang kamu berada dalam kesesatan yang nyata».
55. Mereka bertanya: «Adakah engkau membawa kepada kami sesuatu yang benar, atau engkau daripada kalangan orang yang bermain-main sahaja?»
56. Dia menjawab: “Bahkan Tuhan kamu ialah Tuhan yang mentadbirkan langit dan bumi, Dialah yang menciptanya dan aku adalah daripada orang yang

وَهَذَا ذِكْرٌ مُّبَارَكٌ أَنْزَلْنَاهُ أَفَأَنْتُمْ لَهُ
مُنْكَرُونَ ﴿٥٠﴾

﴿٥١﴾ وَلَقَدْ آتَيْنَا إِبْرَاهِيمَ رُشْدَهُ مِن قَبْلُ
وَكُنَّا بِهِ عَلِيمِينَ ﴿٥١﴾

إِذْ قَالَ لِأَبِيهِ وَقَوْمِهِ مَا هَذِهِ التَّمَاثِيلُ
الَّتِي أَنْتُمْ لَهَا عَاكِفُونَ ﴿٥٢﴾

قَالُوا لَوْ وَجَدْنَا نَاءَ آبَاءِنَا لَهَا عَابِدِينَ ﴿٥٣﴾

قَالَ لَقَدْ كُنْتُمْ أَنْتُمْ وَآبَاؤُكُمْ فِي ضَلَالٍ
مُّبِينٍ ﴿٥٤﴾

قَالُوا أَجِئْتَنَا بِالْحَقِّ أَمْ أَنْتَ مِنَ اللَّاعِبِينَ ﴿٥٥﴾

قَالَ بَلْ رَبُّكُمْ رَبُّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ الَّذِي
فَطَّرَهُنَّ وَأَنَا عَلَىٰ ذَٰلِكُمْ مِنَ الشَّاهِدِينَ ﴿٥٦﴾

boleh memberi keterangan mengesahkan yang demikian itu”.

57. «Dan demi Allah, pasti aku akan jalankan rancangan terhadap berhala kamu, selepas kamu berpaling meninggalkannya”
58. Lalu dia memecahkan semuanya berketul-ketul, kecuali sebuah berhala mereka yang besar, semoga mereka kembali kepadanya.
59. Mereka bertanya: «Siapakah yang melakukan perbuatan ini terhadap tuhan-tuhan kami? Sesungguhnya adalah dia dari kalangan orang yang zalim».
60. (Setengah daripada) mereka berkata: «Kami pernah mendengar seorang anak muda bernama Ibrahim, dia mencaci mereka (berhala-berhala)».
61. (Setengah) mereka (yang lain) berkata: «Jika demikian, bawalah dia di khalayak ramai semoga mereka dapat menyaksikannya».
62. Mereka bertanya: «Engkaukah yang melakukan perbuatan ini kepada tuhan-tuhan kami, hai Ibrahim?»
63. Dia menjawab: «Bahkan yang melakukannya ialah (berhala) yang besar di antara mereka ini! Maka bertanyalah kamu kepada mereka kalau-kalau mereka dapat berkata-kata».

وَتَاللَّهِ لَأَكِيدَنَّ أَصْنَامَكُمْ بَعْدَ أَنْ تُوَلُّوا مُدْبِرِينَ ﴿٥٧﴾

فَجَعَلَهُمْ جُذَاذًا إِلَّا كَبِيرًا لَهُمْ لَعَنَهُمُ اللَّهُ لِيَلْبَسَهُ يَرْجِعُونَ ﴿٥٨﴾

قَالُوا مَنْ فَعَلَ هَذِهِ أَلِهَتُنَا إِنَّهٗ وَكَلِمَنِ الظَّالِمِينَ ﴿٥٩﴾

قَالُوا سَمِعْنَا فَتًى يَذُكُرُهُمْ يُقَالُ لَهُٗ إِبْرَاهِيمُ ﴿٦٠﴾

قَالُوا قَاتِلُوْا بِهِ عَلَىٰ آعْيُنِ النَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَشْهَدُونَ ﴿٦١﴾

قَالُوا إِنَّكَ فَعَلْتَ هَذِهِ أَلِهَتُنَا يَا إِبْرَاهِيمُ ﴿٦٢﴾

قَالَ بَلْ فَعَلَهُ وَكَيْدُهُمْ هَذَا فَسَتَوْهُمْ إِنْ كَانَوْا نَاطِقُونَ ﴿٦٣﴾

64. Maka mereka (penyembah berhala) kembali kepada diri mereka (memikirkan hal itu) lalu berkata (sesama sendiri): «Sesungguhnya kamulah orang yang menzalimi diri sendiri».
65. Kemudian mereka telah kembali kepada kesesatan, lalu berkata: «Sesungguhnya engkau (hai Ibrahim), telah sedia mengetahui bahawa berhala itu tidak dapat berkata-kata?»
66. Nabi Ibrahim berkata: «Jika demikian, patutkah kamu menyembah selain daripada Allah sesuatu yang tidak dapat mendatangkan faedah sedikitpun kepada kamu, dan juga tidak dapat mendatangkan mudarat kepada kamu?»
67. «Ah (celakalah) kamu dan apa yang kamu sembah selain Allah! Maka mengapa kamu tidak mahu berfikir?»
68. Mereka berkata: «Bakarlah dia dan belalah tuhan-tuhan kamu, jika betul kamu mahu membela mereka!»
69. Kami berfirman: «Wahai api, jadilah engkau sejuk serta selamat sejahtera kepada Ibrahim!»
70. Dan mereka hendak melakukan angkara yang menyakitinya, lalu Kami telah jadikan mereka orang yang amat rugi.

فَرَجَعُوا إِلَىٰ أَنفُسِهِمْ فَقَالُوا لَإِنَّكُمْ
 أَنْتُمْ الظَّالِمُونَ ﴿٦٤﴾

ثُمَّ نَكِسُوا عَلَىٰ رُءُوسِهِمْ لَقَدْ عَلِمْتَ مَا
 هَٰؤُلَاءِ يَنْطِقُونَ ﴿٦٥﴾

قَالَ أَفَتَعْبُدُونَ مِن دُونِ اللَّهِ مَا لَا
 يَنْفَعُكُمْ شَيْئًا وَلَا يَضُرُّكُمْ ﴿٦٦﴾

أَفِ لَكُمْ وَلِمَا تَعْبُدُونَ مِن دُونِ اللَّهِ
 أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿٦٧﴾

قَالُوا احْرَقُوهُ وَأَصْرُوا إِلٰهَيْكُمْ إِن كُنْتُمْ
 فَاعِلِينَ ﴿٦٨﴾

فَلَمَّا بَدَأْنَا رُكُوفِي بَرْدًا وَسَلَامًا عَلٰى
 إِبْرَاهِيمَ ﴿٦٩﴾

وَأَرَادُوا بِهِ كَيْدًا فَجَعَلْنَاهُمُ الْأَخْسَرِينَ ﴿٧٠﴾

71. Dan Kami selamatkan dia dan nabi Lut ke negeri⁽¹⁾ yang Kami berkatinya untuk sekalian manusia.
72. Dan Kami kurniakan kepadanya Ishak dan Yaakub sebagai tambahan anugerah, dan tiap-tiap seorang (daripada mereka) Kami jadikan orang yang soleh.
73. Dan Kami jadikan mereka pemimpin-pemimpin (memimpin manusia) dengan perintah Kami, dan Kami wahyukan kepada mereka mengerjakan kebaikan, dan mendirikan solat, serta mengeluarkan zakat dan mereka pula sentiasa beribadat kepada Kami.
74. Dan kepada nabi Lut, Kami berikan kebijaksanaan dan ilmu, dan Kami selamatkan dia dari kota yang penduduknya selalu melakukan perkara-perkara yang keji⁽²⁾. Sesungguhnya mereka itu adalah kaum yang jahat lagi fasiq.
75. Dan Kami masukkan dia dalam (kalangan mereka yang memperoleh) rahmat Kami, sesungguhnya dia daripada kalangan orang yang soleh.
76. Dan (ingatlah peristiwa) nabi Nuh, ketika dia berdoa sebelum itu, lalu Kami berkenankan doanya serta Kami selamatkan

وَنَجَّيْنَاهُ وَلُوطًا إِلَى الْأَرْضِ الَّتِي بَارَكْنَا فِيهَا الْعَالَمِينَ ﴿٧١﴾

وَوَهَبْنَا لَهُ إِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ نَافِلَةً وَكُلًّا جَعَلْنَا صَالِحِينَ ﴿٧٢﴾

وَجَعَلْنَاهُمْ أئِمَّةً يَهْدُونَ بِأَمْرِنَا وَأَوْحَيْنَا إِلَيْهِمْ فِعْلَ الْخَيْرَاتِ وَإِقَامَ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءَ الزَّكَاةِ وَكَانُوا لَنَا عَابِدِينَ ﴿٧٣﴾

وَلُوطًا إِتَيْنَاهُ حُكْمًا وَعِلْمًا وَنَجَّيْنَاهُ مِنَ الْقَرْيَةِ الَّتِي كَانَتْ تَعْمَلُ الْخَبِيثَاتِ إِنَّهُمْ كَانُوا قَوْمَ سَوْءٍ فَلسِقِينَ ﴿٧٤﴾

وَأَدْخَلْنَاهُ فِي رَحْمَتِنَا إِنَّهُ مِنَ الصَّالِحِينَ ﴿٧٥﴾

وَنُوحًا إِذْ نَادَى مِنْ قَبْلُ فَاسْتَجَبْنَا لَهُ وَنَجَّيْنَاهُ وَأَهْلَهُ مِنَ الْكَرْبِ الْعَظِيمِ ﴿٧٦﴾

1 Negeri di sini ialah negeri Syam, termasuk di dalamnya Palestin.

2 Homoseksual dan menyamun.

dia dan pengikut-pengikutnya daripada bencana yang besar.

77. Dan Kami telah menolongnya daripada angkara kaum yang mendustakan ayat-ayat Kami. Sesungguhnya mereka adalah kaum yang jahat, lalu Kami tenggelamkan mereka semuanya.
78. Dan (ingatlah peristiwa) nabi Daud dengan nabi Sulaiman, ketika mereka berdua memberi hukuman mengenai tanaman-tanaman ketika ia dirosakkan oleh kambing kaumnya; dan sememangnya Kami memerhatikan hukuman mereka.
79. Maka Kami telah beri nabi Sulaiman kefahaman berkaitan hukum yang lebih tepat bagi masalah itu; dan masing-masing (dari mereka berdua) Kami berikan kebijaksanaan dan ilmu (yang banyak); dan Kami mudahkan gunung-ganang dan unggas memuji Kami bersama-sama dengan nabi Daud; dan Kami berkuasa melakukan semuanya itu.
80. Dan Kami telah mengajar nabi Daud membuat baju besi untuk kamu, untuk menjaga keselamatan kamu dalam peperangan kamu, maka adakah kamu sentiasa bersyukur?
81. Dan (Kami permudahkan) bagi nabi Sulaiman angin yang kencang tiupannya, bertiup menurut kehendaknya ke negeri

وَوَصَرْنَاهُ مِنَ الْقَوْمِ الَّذِينَ كَذَّبُوا بِآيَاتِنَا
إِنَّهُمْ كَانُوا قَوْمَ سَوْءٍ فَأَغْرَقْنَاهُمْ
أَجْمَعِينَ ﴿٧٧﴾

وَدَاوُدَ وَسُلَيْمَانَ إِذْ يَخْتَصِمَانِ فِي الْحَرْثِ
إِذْ نَفَسَتْ فِيهِ غَنَمُ الْقَوْمِ وَكُنَّا
لِحُكْمِهِمْ شَاهِدِينَ ﴿٧٨﴾

فَفَهَّمْنَاهَا سُلَيْمَانَ وَكَلَّمْنَا بَابِلَ حُكْمًا
وَعِلْمًا وَسِحْرًا مَعَ دَاوُدَ الْجَبَالِ يُسَيِّجْنَ
وَالطَّيْرَ وَكُنَّا فَاعِلِينَ ﴿٧٩﴾

وَعَلَّمْنَاهُ صَنْعَةَ لَبُوسٍ لَّكَرْمَ لِيُخَصِّصَ لَكَ
مِنَ بَأْسِكُمْ فَهَلْ أَنْتُمْ شَاكِرُونَ ﴿٨٠﴾

وَلِسُلَيْمَانَ الرِّيحَ عَاصِفَةً تَجْرِي بِأَمْرِهِ إِلَى
الْأَرْضِ الَّتِي بَرَكْنَا فِيهَا وَكُنَّا بِكُلِّ شَيْءٍ
عَالِمِينَ ﴿٨١﴾

yang Kami limpahkan berkat padanya; dan Kami mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.

82. Dan (Kami permudahkan) sebahagian daripada syaitan-syaitan untuk menyelam baginya, serta melakukan kerja-kerja selain daripada itu, dan Kami mengawal mereka (daripada melanggar perintahnya).
83. Dan (ingatlah peristiwa) nabi Ayub, ketika dia berdoa kepada Tuhannya dengan berkata: «Sesungguhnya aku ditimpa penyakit, sedang Engkaulah Yang Maha Pengasih daripada segala (yang lain) yang mengasihani».
84. Maka Kami telah perkenankan doanya, lalu Kami hapuskan penyakit yang menyimpannya, serta Kami kurniakan kepadanya keluarganya dengan bilangan mereka yang berlipat kali ganda sebagai satu rahmat dari Kami dan sebagai satu peringatan bagi orang yang taat kepada Kami.
85. Dan (demikianlah juga) Ismail, Idris dan Zulkifli; semuanya adalah daripada kalangan orang yang sabar.
86. Dan Kami telah masukkan mereka dalam (kalangan yang memperoleh) rahmat Kami. Sesungguhnya mereka adalah daripada kalangan orang yang soleh.

وَمِنَ الشَّيْطَانِ مَن يَغُوصُونَ لَهُ
وَيَعْمَلُونَ عَمَلًا دُونَ ذَلِكَ وَكُنَّا لَهُمْ
حَافِظِينَ ﴿٨٢﴾

﴿٨٣﴾ وَأَيُّوبَ إِذْ نَادَى رَبَّهُ أَنِّي مَسِيءٌ
الضَّرُّ وَأَنْتَ أَرْحَمُ الرَّاحِمِينَ ﴿٨٣﴾

فَأَسْتَجِبْنَا لَهُ، فَكَشَفْنَا مَا بِهِ مِنْ ضُرِّ
وَأَتَيْنَاهُ أَهْلَهُ، وَمِثْلَهُمْ مَعَهُمْ رَحْمَةً
مِّنْ عِنْدِنَا، وَذِكْرَىٰ لِلْعَابِدِينَ ﴿٨٤﴾

وَأِسْمَاعِيلَ وَإِدْرِيسَ وَذَا الْكِفْلِ كُلٌّ مِّنَ
الصَّابِرِينَ ﴿٨٥﴾

وَأَدْخَلْنَاهُمْ فِي رَحْمَتِنَا إِنَّهُمْ مِّنَ
الصَّالِحِينَ ﴿٨٦﴾

87. Dan (ingatlah peristiwa) Zun-Nun⁽¹⁾, ketika dia pergi (meninggalkan kaumnya) dalam keadaan marah, lalu dia menyangka bahawa Kami tidak sama sekali memberikannya dugaan; maka dia pun berdoa dalam keadaan yang gelap-gelita⁽²⁾ dengan berkata: «Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau (ya Allah)! Maha Suci Engkau! Sesungguhnya aku adalah daripada kalangan orang yang menganiaya diri sendiri».
88. Maka Kami telah kabulkan doanya, dan Kami selamatkan dia daripada kesusahan yang menyelubunginya; dan demikianlah juga Kami akan selamatkan orang yang beriman.
89. Dan (ingatlah peristiwa) nabi Zakaria, ketika dia berdoa kepada Tuhannya dengan berkata: «Wahai Tuhanku! Janganlah Engkau biarkan aku seorang diri (tanpa zuriat); dan Engkaulah jua sebaik-baik yang mewarisi».
90. Maka Kami telah perkenankan doanya, dan Kami kurniakan kepadanya (anakny) Yahya, dan Kami pulihkan keadaan isterinya yang mandul baginya. Sesungguhnya mereka sentiasa berlumba-lumba dalam

وَدَا النُّونِ إِذ ذَّهَبَ مُغْضِبًا فَظَنَّ أَنْ لَنْ نَقْدِرَ عَلَيْهِ فَنَادَى فِي الظُّلُمَاتِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿٨٧﴾

فَأَسْتَجِبْنَا لَهُ وَوَجَعْنَا لَهُ مِنَ الْعَمَةِ وَكَذَلِكَ نُنْجِي الْمُؤْمِنِينَ ﴿٨٨﴾

وَرَكَعًا يُبَايِعُ مَا نَدَى رَبُّهُ رَبِّ لَا تَذَرْنِي فَرْدًا وَأَنْتَ خَيْرُ الْوَارِثِينَ ﴿٨٩﴾

فَأَسْتَجِبْنَا لَهُ وَوَهَبْنَا لَهُ وَيَحْيَىٰ وَأَصْلَحْنَا لَهُ وَرَوْجَهُ وَأَنَّهُمْ كَانُوا يُسْأَلُونَ فِي الْخَيْرَاتِ وَيَدْعُونَنَا رَعَبًا وَرَهَبًا وَكَانُوا لَنَا خَشِيعِينَ ﴿٩٠﴾

1 Nabi Yunus.

2 Keadaan yang sangat gelap ialah di dalam perut ikan, di dalam laut pada malam hari.

mengerjakan kebaikan, dan sentiasa berdoa kepada Kami dengan penuh harapan serta rasa takut; dan mereka pula sentiasa khusyuk kepada Kami.

91. Dan (ingatlah peristiwa) perempuan yang telah menjaga kehormatannya, lalu Kami tiupkan padanya daripada roh (ciptaan) Kami, dan Kami jadikan dia dan anaknya sebagai satu tanda (yang menunjukkan kekuasaan Kami) bagi sekalian manusia.
92. Sesungguhnya agama Islam inilah agama kamu, agama yang satu, dan Akulah Tuhan kamu, maka sembahlah Aku.
93. Mereka telah berpecah-belah dalam urusan agama mereka. (Ingatlah), mereka semuanya akan kembali kepada Kami.
94. Maka, sesiapa yang mengerjakan sesuatu amal kebaikan, sedang ia beriman, maka tidaklah dinafikan amal usahanya; dan sesungguhnya Kami tetap menulisnya.
95. Dan mustahil kepada penduduk sesebuah negeri yang Kami telah binasakan, bahawa mereka tidak akan kembali (untuk menerima balasan di akhirat kelak).
96. Hingga apabila tembok yang menyekat Yakjuj dan Makjuj dibuka, serta mereka meluru turun dari tiap-tiap tempat yang tinggi.

وَالَّتِي أَحْصَدَتْ فَرْجَهَا فَفَخَّخْنَا
فِيهَا مِنْ رُوحِنَا وَجَعَلْنَاهَا وَابْنَهَا
آيَةً لِلْعَالَمِينَ ﴿٩١﴾

إِنَّ هَذِهِ أُمَّتُكُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً
وَأَنَا رَبُّكُمْ فَاعْبُدُونِ ﴿٩٢﴾

وَتَقَطَّعُوا أَمْرَهُمْ بَيْنَهُمْ كُلُّ
إِلْتِنَازٍ جِوَعَاتِ ﴿٩٣﴾

فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْرَ حَبِّ زُرِّ ثُمَّ
فَلَا كُفْرَانَ لِسَعْيِهِ وَإِنَّا لَهُ
كَاتِبُونَ ﴿٩٤﴾

وَحَرَامٌ عَلَى قَرْيَةٍ أَهْلَكْنَاهَا أَنْ
لَا يُرْجِعُونَ ﴿٩٥﴾

حَتَّىٰ إِذَا فُتِحَتْ يَأْجُوجُ وَمَأْجُوجُ وَهُمْ
مِنْ كُلِّ حَدَبٍ يَنْسِلُونَ ﴿٩٦﴾

97. Dan telah hampir datangnya janji hari kiamat yang benar, maka dengan serta-merta pandangan mata orang yang kufur terbeliak (sambil berkata dengan cemas): «Aduhai celakanya kami. Sesungguhnya kami telah hidup dalam keadaan yang melalaikan kami dari memikirkan perkara ini, bahkan kami telah menjadi orang yang menganiaya diri sendiri».
98. Sesungguhnya kamu dan apa yang kamu sembah, selain daripada Allah, menjadi bahan api neraka Jahannam. Kamu (sudah tetap) akan memasukinya.
99. Kalaulah mereka (yang kamu sembah) itu adalah tuhan, tentulah mereka tidak masuk ke dalam neraka. Dan (ketahuilah), semuanya sekali akan kekal di dalam neraka selama-lamanya.
100. Mereka meraung-raung (kesakitan) di dalam neraka, dan mereka pula di situ tidak dapat lagi mendengar (perkara yang menyenangkan).
101. Sesungguhnya orang yang telah ditetapkan memperoleh kebaikan daripada Kami, mereka itu dijauhkan dari neraka.
102. Mereka tidak mendengarpun suara api neraka itu, dan mereka akan kekal selama-lamanya di dalam (nikmat-nikmat syurga) yang diingini oleh jiwa mereka.

وَأَقْرَبَ الْوَعْدُ الْحَقُّ فَإِذَا هِيَ شَاخِصَةٌ
أَبْصَرُ الَّذِينَ كَفَرُوا يُؤْيَلْنَا فَذَكَّنَّا
فِي عَقْلِهِ مِّنْ هَذَا بَلْ كُنَّا ظَالِمِينَ ﴿٩٧﴾

إِنَّكُمْ وَمَا تَعْبُدُونَ مِن دُونِ اللَّهِ
حَصْبُ جَهَنَّمَ أَنْتُمْ لَهَا وَرِدُونَ ﴿٩٨﴾

لَوْ كَانَهُمْ آلَاءَ اللَّهِ مَا وَرَدُوهَا
وَكُلٌّ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٩٩﴾

لَهُمْ فِيهَا زَفِيرٌ وَهُمْ فِيهَا لَا يَسْمَعُونَ ﴿١٠٠﴾

إِنَّ الَّذِينَ سَبَقَتْ لَهُمْ مِنَّا الْحُسْنَىٰ
أُولَٰئِكَ عَنْهَا مُبْعَدُونَ ﴿١٠١﴾

لَا يَسْمَعُونَ حَسِيسَهَا وَهُمْ فِي مَا
أَشْتَهَتْ أَنفُسُهُمْ خَالِدُونَ ﴿١٠٢﴾

103. Huru-hara besar yang amat mengerikan (pada hari kiamat) itu tidak merunsingkan mereka, dan (sebaliknya) mereka disambut oleh para malaikat dengan berkata: «Inilah hari kamu (beroleh kebahagiaan), yang telah dijanjikan kepada kamu dahulu».

لَا يَحْزَنُهُمُ الْفَزَعُ الْأَكْبَرُ وَتَتَلَقَّيْنَهُمُ
الْمَلَائِكَةُ هَذَا يَوْمُكُمْ الَّذِي كُنتُمْ
تُوعَدُونَ ﴿١١٣﴾

104. (Ingatlah) hari Kami menggulung langit seperti menggulung lembaran surat catatan; sebagaimana Kami mulakan wujudnya sesuatu kejadian, begitulah Kami mengulanginya lagi; sebagai satu janji yang ditanggung oleh Kami; sesungguhnya Kami tetap melaksanakannya.

يَوْمَ نَطْوِي السَّمَاءَ كَطَيِّ السِّجِلِ
لِلْكُتُبِ كَمَا بَدَأْنَا أَوَّلَ خَلْقٍ نُعِيدُهُ
وَعَدًّا عَائِلَةً إِنَّا كُنَّا فَاعِلِينَ ﴿١١٤﴾

105. Dan sesungguhnya, Kami telah menulis di dalam Zabur⁽¹⁾, selepas adanya tulisan pada al-Zikr⁽²⁾: «Bahawasanya bumi itu akan diwarisi oleh hamba-hambaKu yang soleh».

وَلَقَدْ كَتَبْنَا فِي الزَّبُورِ مِنْ بَعْدِ
الَّذِي كُنَّا أَنْزَلْنَا فِي الْإِنجِيلِ
الضَّلٰلِحُونَ ﴿١١٥﴾

106. Sesungguhnya al-Quran ini mengandungi keterangan-keterangan yang cukup bagi orang yang mengerjakan ibadat (kepada Allah).

إِنَّ فِي هَذَا لَبَلَاغًا لِقَوْمٍ عٰدِلِينَ ﴿١١٦﴾

107. Dan tidaklah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan sebagai rahmat bagi sekalian alam.

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعٰلَمِينَ ﴿١١٧﴾

1 Kitab yang diturunkan kepada Nabi Daud.

2 Lauh al-Mahfuz atau Kitab Taurat.

- 108.** Katakanlah: «Sesungguhnya yang diwahyukan kepadaku ialah bahawa Tuhan kamu hanyalah Tuhan yang bersifat Esa, maka adakah kamu mahu menyerah diri (kepadaNya)?»
- 109.** Sekiranya mereka berpaling ingkar maka katakanlah: «Aku telah memberitahu kamu (apa yang diwahyukan kepadaku) perkara yang sama; dan aku tidak mengetahui sama ada apa yang dijanjikan kerana keingkaran kamu itu, sudah dekat atau masih jauh.
- 110.** Sesungguhnya Allah mengetahui akan perkataan yang kamu sebutkan dengan terang-terangan, dan juga Dia mengetahui apa yang kamu sembunyikan.
- 111.** «Dan aku tidak mengetahui mungkin itu dugaan bagi kamu, di samping ia memberi kamu kesenangan hidup hingga ke suatu masa yang tertentu».
- 112.** (Nabi Muhammad) berkata: «Wahai Tuhanku, hukumkanlah (di antara kami dengan mereka) dengan yang benar; dan Tuhan kami ialah Yang Maha Pemurah yang menjadi tempat memohon pertolongan terhadap apa yang kamu sifatkan itu».

قُلْ إِنَّمَا يُوحَىٰ إِلَيَّ أَنَّمَا إِلَهُكُمْ إِلَهٌ
وَاحِدٌ فَهَلْ أَنْتُمْ مُّسْلِمُونَ ﴿١٠٨﴾

فَإِنْ تَوَلَّوْا فَقُلْ ءَأَدَّبْتُكُمْ عَلَىٰ سَوَآءٍ وَإِن
أَدْرَىٰ أَقْرَبُ أَمْ بَعِيدٌ مَّا تُوعَدُونَ ﴿١٠٩﴾

إِنَّهُ يَعْلَمُ الْجَهْرَ مِنَ الْقَوْلِ وَيَعْلَمُ مَا
تَكْتُمُونَ ﴿١١٠﴾

وَإِن أَدْرَىٰ لَعَلَّهُ فِتْنَةٌ لَّكُمْ وَمَمْتَعٌ
إِلَىٰ حِينٍ ﴿١١١﴾

قُلْ رَبِّ احْكُم بِالْحَقِّ وَرَبُّنَا الرَّحْمَنُ
الْمُسْتَعَانُ عَلَىٰ مَا تَصِفُونَ ﴿١١٢﴾